



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1991

**PENGAMBILAN BEKERJA SEMULA PEGAWAI-PEGAWAI
KANAN KERAJAAN SELEPAS BERSARA**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk menetapkan syarat-syarat perlantikan dan prosedur bagi pengambilan bekerja semula pegawai-pegawai kanan Kerajaan selepas bersara bagi mengisi jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Peraturan bagi perlantikan semula pesara telah ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1978. Di antara peraturan yang telah ditetapkan ialah jawatan yang hendak diisi oleh pesara bukan jawatan kenaikan pangkat.

2.2 Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menyemak semula peraturan ini serta memutuskan bahawa pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang telah bersara boleh dilantik semula untuk mengisi jawatan-jawatan mereka sebelum bersara atau lain-lain jawatan kenaikan pangkat sekiranya perkhidmatan mereka benar-benar diperlukan oleh sesebuah Kementerian atau Jabatan demi kepentingan Perkhidmatan Awam.

2.3 Pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang dimaksudkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini ialah pegawai-pegawai yang memegang jawatan pada gred Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas, sebelum bersara.

3. SYARAT-SYARAT PERLANTIKAN

3.1 Perlantikan

Perlantikan pesara adalah dibuat secara perlantikan kontrak bagi tempoh 2 tahun, dan boleh ditimbangan perlanjutan mengikut keperluan Kerajaan.

3.2 Taraf Persaraan

Pegawai-pegawai yang hendak dilantik semula hendaklah terdiri daripada pesara wajib. Bagi pesara pilihan sendiri atau lain-lain pesaraan, mereka boleh dipertimbangkan untuk lantikan semula sekiranya persaraan mereka adalah atas kehendak Kerajaan.

3.3 Keadaan Kesihatan

Pesara hendaklah disahkan sihat oleh pihak yang berkuasa perubatan dan boleh menjalankan kerja dengan memuaskan.

3.4 Gred Jawatan Dan Gaji

- (a) Pesara yang dilantik semula untuk mengisi jawatan yang sama sebelum bersara atau mengisi lain-lain jawatan kenaikan pangkat akan ditawarkan gaji berdasarkan gred jawatan yang berkenaan;
- (b) Pesara yang dilantik semula dengan menggunakan peruntukan di bawah Objek Sebagai 29000 tanpa mewujudkan jawatan, akan ditawarkan gaji satu gred lebih rendah daripada gred jawatan sebelum bersara;
- (c) Pesara pilihan sendiri yang dilantik semula untuk memegang sesuatu jawatan atau dilantik semula dengan menggunakan peruntukan di bawah Objek Sebagai 29000 tanpa mewujudkan jawatan, akan ditawarkan gaji tidak lebih daripada apa yang diterimanya sebelum bersara termasuk pencennya;
- (d) Pesara pilihan sendiri tidak boleh dilantik semula ke gred jawatan yang lebih tinggi daripada gred jawatannya sebelum bersara.

4. PROSEDUR

- 4.1 Permohonan bagi perlantikan semula selepas bersara daripada individu tidak akan dilayan oleh Kerajaan. Pengambilan bekerja semula pegawai-pegawai kanan Kerajaan selepas bersara hanya akan diberi pertimbangan oleh Kerajaan sekiranya ada permohonan daripada sesebuah Kementerian.
- 4.2 Kementerian hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dengan menyatakan keperluan bagi perlantikan semula pesara dan menyertakan bersama dokumen seperti berikut:
 - (i) Kenyataan Perkhidmatan
 - (ii) Laporan Sulit Khas
 - (iii) Laporan Kesihatan
- 4.3 Jabatan Perkhidmatan Awam akan memanjangkan permohonan tersebut kepada Y. Bhg. Ketua Setiausaha Negara untuk diperakukan kepada Y.A.B. Perdana Menteri untuk pertimbangan.
- 4.4 Jabatan Perkhidmatan Awam apabila menerima persetujuan daripada Y.A.B. Perdana Menteri akan membuat perakuan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan untuk perlantikan.

4.5 Suruhanjaya Perkhidmatan hendaklah mengemukakan tawaran perlantikan kepada pegawai yang berkenaan melalui Kementerian dengan satu salinan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk tujuan rekod.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh 1 Januari 1991. Mulai dari tarikh ini juga pengambilan bekerja semula pegawai-pegawai Kanan Kerajaan selepas bersara tidak lagi tertakluk di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1978.



TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

Tarikh: 24 Julai 1991.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Suruhanjaya Perkhidmatan.